




## Kita boleh melindungi diri kita daripada barah pangkal rahim.

Dapatkan pemeriksaan barah pangkal rahim hari ini. Jalani pemeriksaan demi orang yang anda sayangi, jalani pemeriksaan untuk diri anda sendiri.

### Apakah itu barah pangkal rahim?

Ia adalah barah pada leher rahim, yang disebut pangkal rahim. Barah ini berpunca daripada jangkitan Human Papilloma Virus (HPV) yang berpanjangan.



### Apakah itu Human Papilloma Virus (HPV)?

HPV ialah virus biasa dan semua orang akan mengalaminya pada suatu ketika. Terdapat lebih daripada 100 jenis virus ini, tetapi hanya sekitar 13 jenis yang boleh menyebabkan barah pangkal rahim. Ia boleh dijangkiti melalui sentuhan kulit semasa mengadakan hubungan seks.

Oleh kerana HPV adalah virus yang biasa, tubuh kita mampu menghapuskan jangkitan ini dengan sendirinya. Namun, jenis HPV berisiko tinggi boleh menyebabkan jangkitan berpanjangan yang boleh membawa kepada barah pangkal rahim.

### Berapa lamakah barah pangkal rahim mengambil masa untuk berkembang?

Barah pangkal rahim berkembang secara perlahan-lahan. Ia biasanya mengambil masa sehingga 15 tahun untuk menjadi barah pangkal rahim. Inilah sebabnya mengapa pemeriksaan secara kerap itu penting kerana barah ini boleh dipulihkan bila dikesan awal.

### Apakah tanda-tanda dan gejala awal barah pangkal rahim?

Biasanya tiada tanda-tanda dan gejala pada peringkat awal barah pangkal rahim.

### Siapakah yang berisiko menghidap barah pangkal rahim?

Semua wanita yang pernah melakukan kegiatan seksual menghadapi risiko. Risiko ini meningkat jika anda:

- Menghidap penyakit yang membuat sistem daya tahan anda menjadi lemah (contohnya penyakit lupus).
- Diuji positif Human Immunodeficiency Virus (HIV).

### Bilakah saya perlu mendapatkan suntikan dan pemeriksaan?


Jika anda berumur antara 9 dan 26 tahun, dapatkan suntikan HPV.

**Ketahui lebih lanjut tentang suntikan HPV di <https://www.healthhub.sg/HPV-immunisation>**

Dapatkan pemeriksaan barah pangkal rahim jika anda berumur 25 tahun ke atas dan pernah melakukan kegiatan seksual.

### Apakah yang dilakukan semasa pemeriksaan barah pangkal rahim?

- Prosedur ini cepat dan ringkas, di mana sejenis alat akan dimasukkan ke dalam faraj anda secara perlahan-lahan.
- Berus yang lembut kemudian digunakan untuk mengumpul sel-sel dari pangkal rahim anda. Sel-sel ini akan dihantar ke makmal untuk diuji.



Jika anda berumur di antara 25 hingga 29 tahun, sel-sel anda akan diuji untuk mengesan perubahan yang tidak normal melalui ujian Pap. Pada usia ini, anda boleh menghapuskan jangkitan HPV pada kadar yang lebih cepat, oleh dengan itu, anda tidak memerlukan ujian HPV.

Jika anda berumur 30 tahun dan ke atas, sel-sel anda akan dihantar untuk ujian HPV bagi mengesan jenis-jenis virus yang berisiko tinggi. Pada usia ini, ujian HPV lebih berkesan dalam menentukan risiko barah pangkal rahim.

Hasil ujian anda akan siap dalam tempoh empat minggu selepas pemeriksaan yang anda jalani. Doktor akan menasihatkan anda jika sebarang rawatan susulan diperlukan.

### Apakah makna hasil ujian saya?

#### 25 hingga 29 tahun



#### Jika anda mendapat:

- 1) Hasil ujian Pap yang normal, sel-sel pangkal rahim anda normal. Dapatkan pemeriksaan barah pangkal rahim seterusnya selepas tiga tahun.
- 2) Hasil ujian Pap yang tidak normal, anda mungkin mengalami jangkitan dan/atau sel-sel pangkal rahim yang tidak normal. Ini tidak bermakna anda menghidap barah pangkal rahim. Doktor anda akan mengkaji semula hasil ujian dan menasihatkan tentang rawatan yang sewajarnya.

#### 30 tahun dan ke atas



#### Jika anda:

- 1) Tidak dikesan mempunyai jenis HPV berisiko tinggi, risiko anda menghidap barah pangkal rahim rendah. Dapatkan pemeriksaan barah pangkal rahim setiap lima tahun.
- 2) Dikesan mempunyai jenis HPV yang sangat berisiko tinggi, anda akan dirujuk kepada pakar sakit puan kerana risiko anda mendapat barah pangkal rahim lebih tinggi. Rawatan akan ditawarkan jika perlu.
- 3) Dikesan mempunyai jenis HPV berisiko tinggi yang lain, anda akan diminta doktor supaya datang semula untuk satu lagi ujian HPV dalam masa satu tahun.

### Bagaimanakah saya mempersiapkan diri untuk pemeriksaan barah pangkal rahim?

- Buat temu janji dua minggu selepas haid anda bermula.
- Elakkan hubungan seks dan menggunakan spermisida, krim faraj, pelincir, ubat-ubatan untuk faraj atau tampon sekurang-kurangnya 48 jam sebelum ujian anda.



### Bayaran untuk pemeriksaan barah pangkal rahim

#### Bayaran untuk ujian Pap



#### 25 hingga 29 tahun

\$15 untuk warga Singapura di poliklinik  
\$22.50 untuk Penduduk Tetap di poliklinik  
\$2 atau \$5 untuk warga Singapura di klinik-klinik Doktor Swasta yang menawarkan CHAS

#### Bayaran untuk ujian HPV



#### 30 tahun dan ke atas

\$22.50 untuk warga Singapura di poliklinik  
\$33.75 untuk Penduduk Tetap di poliklinik  
\$2 atau \$5 untuk warga Singapura di klinik-klinik Doktor Swasta yang menawarkan CHAS

### Apakah perbezaan di antara kadar bayaran bagi ujian Pap dan HPV?

Tiada perbezaan di antara pembayaran kos kedua-dua ujian ini dalam jangka panjang. Ujian Pap dilakukan setiap tiga tahun, sementara ujian HPV perlu dilakukan hanya setiap lima tahun. Tambahan pula, ujian HPV adalah jauh lebih tepat dalam menentukan risiko barah pangkal rahim.

|                  | Tahun 1 | Tahun 4 | Tahun 7 | Jumlah |
|------------------|---------|---------|---------|--------|
| <b>Ujian Pap</b> | \$15    | \$15    | \$15    | \$45   |

|                  | Tahun 1 | Tiada | Tahun 6 | Jumlah |
|------------------|---------|-------|---------|--------|
| <b>Ujian HPV</b> | \$22.50 | –     | \$22.50 | \$45   |

Untuk maklumat lanjut tentang pelbagai subsidi bagi Pemeriksaan Sepanjang Hayat, hubungi 1800 223 1313 atau lawati screenforlife.sg.